

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) | • MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No.

47

Ramadan, Syawal dan Obesiti

Abu Hurairah melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: "Pada hari kiamat akan datang seorang yang berbadan besar lagi gemuk. Namun, di sisi Allah timbangannya tidak dapat melebihi berat sayap seekor nyamuk." Sewajarnya, makanan yang banyak akan menghasilkan tenaga dan stamina yang tinggi untuk ibadah. Namun kenapa sifirnya tidak pernah begitu?

Selanjutnya di hlm. 96

> Surat Cinta Buat Para Pemimpin

hlm. 12

> Kaji Sebelum Caci

hlm. 70

> Umpama Berpuasa Sepanjang Tahun

hlm. 68

> Mengenal Hati

hlm. 85

Nafsu hanya suka pada makanan yang lazat. Akal suka pada makanan yang berzat, tetapi hati suka pada makanan yang berkat. Yang mana penyubur iman?

LAZAT BERZAT BERKAT



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

ISSN 1985-5400



TELAGA BIRU SDN. BHD.



Imbas kod
untuk ke
Facebook
Majalah
Solusi

Sebuah
terbitan



kepada anak sendiri.

Hamka (*Tafsir al-Azhar*) mentafsirkan perkataan *qaulan sadida* berdasarkan konteks ayat adalah mengatur wasiat yang mengandungi makna kekhuatiran dan perasaan cemas seorang pemberi wasiat terhadap anak-anaknya yang digambarkan dalam bentuk ucapan yang lemah lembut, jelas, jujur, tepat, baik dan adil.

Ringkasnya, pelaksanaan *qaulan sadida* dalam pendidikan anak-anak terutama dalam pergaulan seharian, hendaklah berintikan perkara-perkara berikut:

1. Benar iaitu kata-kata yang diucapkan sesuai dengan realiti, tidak menambah atau mengurangnya.

2. Bijak menyesuaikan situasi dan individu yang diajak bicara. Ini termasuk pandai mengukur kata-kata itu melukai atau tidak kerana sensitiviti setiap orang tidak sama.

3. Bermanfaat dan membangun jiwa sebagaimana anjuran Rasulullah s.a.w. agar berkata baik, menghormati jiran dan memuliakan tetamu.

Bagaimana Cintamu Wahai Ibu Bapa?

Wahai insan bergelar ibu bapa... Sesungguhnya, tiada kerugian bagi orang yang sering menghitung diri dan mencongak-congak nasib diri di hadapan pengadilan Ilahi nanti.

Andai setelah membaca pandangan ini kalian bertanya: "Adakah anda reda jika suatu masa kelak anak-anak yang diharapkan menjadi insan terpuja di dunia hanya menjadi kerani biasa?"

Jawapan saya: "Jika Allah s.w.t. menetapkan syurga hanya tersedia buat mereka yang cemerlang dalam kerjaya di dunia, maka saya amat bimbang, kecewa dan putus asa. Tetapi, Allah s.w.t. berfirman bahawa syurga itu buat orang bertakwa. Maka harapan saya masih subur, impian saya masih tidak lebur kerana keadilan-Nya menjamin sesiapa sahaja yang bertakwa pasti memperoleh nikmat syurga-Nya."


Saya akan terus berusaha mengisi jalan *asbab* bagi meraih kejayaan di dunia dan akhirat, serta meninggalkan pilihan masa depan itu kepada Allah. Tawakal yang sebenar-benarnya hanya pada Dia, bukan pada usaha manusia yang lemah seperti kita.

Kita hanya memerlukan ikhlas. Justeru, ikhlaslah dalam mencintai anak-anak kita. 

teknoda'i

MELEBARKAN JALUR DAKWAH

DR. AZNAN ZUHID SAIDIN



ICT

Menjalin Hubungan dengan Allah dan Sesama Manusia

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) merupakan teknologi yang dapat membantu manusia berhubung antara satu sama lain. ICT bukan sahaja dapat memberikan kita capaian kepada maklumat, tetapi capaian sesama manusia lain juga.

Menghubungkan Manusia

Dengan ICT, masalah jarak fizikal untuk berkomunikasi dapat diatasi. Orang yang berada jauh walau ribuan kilometer dapat dihubungi hanya dengan rangkaian ICT (Internet, telefon selular, satelit dan sebagainya). Malah dengan orang yang dekat seperti rakan sekerja berlainan jabatan atau tingkat atau teman sekuliah yang tinggal di blok asrama atau rumah sewa yang berlainan, kini lebih mudah berkomunikasi.

Cara perhubungan pula boleh didapati dalam berbagai-bagai bentuk sama ada suara, teks atau video dengan menggunakan pelbagai aplikasi seperti telefon, e-mel, sistem pesanan ringkas (SMS). Selain itu, pelbagai rangkaian sosial di Internet dapat juga digunakan, malah konferensi video Internet seperti Skype dan sebagainya menjadi me-



ICT hanya alat untuk merealisasikan interaksi, tetapi kadangkala hubungan itu langsung tidak menggambarkan hubungan hati.

s.w.t. tetapkan. Hal ini mendasari apa-apa jua bentuk hubungan yang dijalinan melalui teknologi.

Perhubungan Hati

Dalam keterujaan menggunakan ICT untuk berkomunikasi dan berhubung, interaksi dengan orang yang dekat haruslah juga secara biasa, iaitu berbual dan berbicara secara langsung seperti dengan ahli keluarga, suami, isteri, anak-anak, dan adik-beradik yang tinggal serumah.

Kenyataan seperti ini mungkin agak janggal sebagai satu peringatan. Namun sudah timbul fenomena kurangnya interaksi dan komunikasi sesama ahli keluarga, walaupun hubungan dengan teman-teman alam siber begitu rancak. Salah satu punca ia berlaku apabila si ayah, ibu atau pun anak-anak, masing-masing leka dengan *gadget* dan hal sendiri. Ada kisah tentang si ibu memanggil anak-anak untuk turun ke ruang meja makan untuk makan malam dengan terpaksa membuat panggilan *Skype* kerana anak-anak terlalu asyik di alam siber!

Sememangnya ICT merupakan kemudahan teknologi yang dapat membantu dalam aspek perhubungan. Daripada perkara yang diperkatakan di atas, ingin ditekankan bahawa hakikat dan inti pati sesuatu hubungan itu berkait rapat dengan perhubungan hati. ICT hanya alat untuk merealisasikan interaksi, tetapi kadangkala hubungan itu langsung tidak menggambarkan hubungan hati.

Hubungan luaran mungkin rancak di alam siber dengan beribu-ribu orang rakan dan teman, tetapi berapa ramai antara mereka yang rapat dengan diri dan hati kita? Begitu juga mungkin interaksi berlaku sekali-sekala atau kelihatan "lemah" dari luarannya, tetapi sebenarnya insan tersebut sama ada ahli keluarga, saudara-mara

atau sahabat itulah yang benar-benar "dekat" dengan hati kita.

Di sini, ICT boleh berperanan untuk membantu. Sudah tentulah lebih ideal apabila kedua-duanya; dalam dan luar seimbang. Namun begitu, kadang-kadang sesuatu yang ada kaitan dengan hati merupakan perkara yang sukar untuk diertikan secara zahir.

Perhubungan dengan Allah

Begitu juga hubungan dengan Allah. Di samping membantu perhubungan sesama manusia, ICT juga boleh berperanan dalam perhubungan dengan Allah s.w.t. yang melibatkan hubungan hati manusia dengan Allah. Ini dapat direalisasikan dengan aplikasi-aplikasi islamik sama ada menerusi komputer ataupun telefon pintar.

Contohnya, dengan aplikasi al-Quran keseluruhan kitab suci dapat dimuatkan di telefon pintar termasuklah dengan terjemahan dalam pelbagai bahasa, fungsi, carian ayat, bacaan tilawah oleh para qari terkenal dan sebagainya. Al-Quran boleh sentiasa berada dengan kita, senang untuk dibaca dan dirujuk. Contoh lain ialah aplikasi berkaitan solat seperti peringatan waktu solat dengan laungan azan apabila sudah masuk waktunya. Di samping itu, kita juga boleh mencari pelbagai doa untuk dipanjatkan dari Internet dengan memastikan status sumber doa tersebut.

Apabila aplikasi-aplikasi tersebut berada di dalam telefon bimbit atau alatan mudah alih yang lain, maka ia dapat membantu mengukuhkan hubungan kita dengan Allah walau di mana jua kita berada dengan harapan agar ingatan kepada Allah sentiasa ada dalam diri kita selagi kita membawanya. Justeru, ICT bukan sahaja satu kaedah dan alat komunikasi untuk berhubung sesama manusia, tetapi juga boleh membantu hati kita ingat dan "berhubung" dengan Allah.

Sepertimana ICT berperanan dalam pelbagai aspek kehidupan kita, ia juga dapat dimanfaatkan untuk mengukuhkan perhubungan sesama manusia dan dengan Pencipta. Penggunaan yang sedemikian dapat membentuk hakikat kefahaman tentang teknologi sebagai sejenis alat untuk membina kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat. ■

dium perantaraan sesama manusia. Inilah sebahagian perkembangan masa kini dalam aspek komunikasi sesama manusia.

Melalui medium ICT yang paling popular yakni Internet, kita dapat berhubung dengan insan-insan setempat yang dekat mahupun yang jauh, malah dari mana-mana ceruk dunia pun. Sememangnya kita dianjurkan untuk melebarkan jaringan silaturahim sesama umat manusia.

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud: "Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya, semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."

Melihat kepada ayat tersebut, secara tidak langsung ia mengingatkan kita untuk menjaga batas pergaulan yang digariskan oleh Islam kerana antara ciri-ciri orang yang bertakwa ialah berhati-hati dalam urusan kehidupan agar tidak melanggar peringatan dan panduan yang telah Allah



Lulusan B.IRKH, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Memperoleh PhD dari Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya berkaitan dengan nilai-nilai Islam dan ICT. Kini berkhidmat di Kuliyah ICT, UIAM. E-mel: aznanzs@gmail.com

DR. AZNAN ZUHID SAIDIN